



KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI

Ruj. Kami : UUM/JPP/UHBK/P-12/8
Tarikh : 19 Mei 2016



Kepada Syarikat yang berkenaan

**TAWARAN SEBUT HARGA MEMBELI
BARANGAN LUSUH DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan memaklumkan bahawa, Urusetia Pelupusan Perabot bercadang untuk menjual barangan lusuh di Universiti secara sebut harga.

2. Sehubungan itu, syarikat tuan / puan adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga **UUM/JPP(HB)U/3/2016** dengan melengkapkan borang sebut harga yang boleh diambil dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, JPP mulai **19 Mei 2016**.
3. Pemeriksaan ke atas barangan lusuh boleh dilakukan mulai 19 Mei 2016 sehingga 9 Jun 2016 pada hari bekerja dari jam 8.30 pagi hingga 3.30 petang.
4. Tuan / puan turut diminta untuk mematuhi arahan sebut harga seperti berikut :
 - i) Memastikan borang diisi dengan lengkap; dan
 - ii) Mencatat no. sebut harga pada bahagian kanan (atas) sampul surat; dan
 - iii) Menghantar melalui pos kepada **Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman**; atau
 - iv) Memasukkan sampul ke dalam peti sebut harga di Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP)
 - v) Semua perbelanjaan berkaitan pembelian barangan lusuh seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli yang berjaya.
 - vi) Pembeli yang berjaya juga hendaklah mengambil barangan lusuh dan membuat pembayaran penuh dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan keputusan

Liana/d/aset inventori/pelupusan barang lusuh/s-tawaran sebutharga barang lusuh Mei 2016



5. Sebut harga akan ditutup pada **12 Jun 2016 jam 12.00 tengah hari** dan tawaran sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.


6. Berkuatkuasa 1 April 2015, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dengan kadar 6% akan dikenakan keatas pembeli yang berjaya.

7. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Halim bin Md. Yatim atau Cik Nor Amelia binti Delfitri di talian 04-928 2190 / 04-928 2186.

Sekian dan salam hormat.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah


 **(IR. MD. UZAIRIN BIN SAIDIN)**
Pengarah Pembangunan
Universiti Utara Malaysia

Tel. : 04-928 2000/2001
Faks : 04-928 2010
E-mel : uzairin@uum.edu.my